

PARLIMEN-MAHATHIR

1982

KUALA LUMPUR, 25 OKT. (BERNAMA) -- PETRONAS SEDANG MEMBINA SEBUAH KILANG PENAPIS MINYAK YANG MEMPUNYAI KEUPAYAAN UNTUK MENAPIS 30,000 TONG MINYAK SEHARI DI TERENGGANU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KILANG ITU AKAN MEMULAKAN OPERASINYA PADA SUKU KEDUA TAHUN DEPAN.

KILANG PENAPISAN MINYAK KEDUA IAITU DI MELAKA YANG MEMPUNYAI KEUPAYAAN MENAPIS 120,000 TONG MINYAK SEHARI DIJANGKA AKAN MEMULAKAN OPERASINYA PADA TAHUN 1987, TAMBAH BELIAU SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR).

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PETRONAS JUGA TURUT SERTA DALAM PROJEK BAJA ABEAN DI BINTULU YANG AKAN MENGELUARKAN 1,000 TAN METRIK AMONIA DAN 1,500 TAN METRIK UREA SETAHUN.

PROJEK TERSEBUT DIJADUAL MEMULAKAN OPERASINYA PADA 1985.

MENGENAI PROJEK GAS ASLI CAIR (LNG) DI BINTULU, BELIAU MENJELASKAN SEHINGGA AKHIR JULAI LALU, PROJEK ITU TELAH SIAP PADA KADAR KIRA-KIRA 90 PERATUS. --LAGI 1705/IB

PARLIMEN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KERJA PENYALURAN GAS ASLI KE LOJI GAS ASLI CARI (LNG) BERMULA PADA 7 OGOS LALU.

BEKALAN PERTAMA LNG KE JEPUN DI JANGKA AKAN DIHANTAR PADA JANUARI TAHUN DEPAN SEPERTI YANG DIJADUALKAN.

MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN WAN MOHAMED NAJIB MOHAMAD (BN-PASIR PUTIH), BELIAU MENERANGKAN TIDAK ADA KELEBIHAN DALAM PENGELUARAN MINYAK KERANA HASIL PENGELUARAN ITU TELAH DIAMBIL KIRA DALAM BELANJAWAN TAHUN 1983.

KEPADA PERTANYAAN TAMBAHAN DR. TAN SENG GIAW (DAP-KEPUNG), DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU JUMLAH KELUARAN MINYAK TAHUN INI ADALAH LEBIH RENDAH DARIPADA HAD PENGELUARAN YANG DITENTUKAN DALAM DASAR PENGELUARAN MINYAK NEGARA.

PETRONAS SEHINGGA INI TELAH MENDAPATI DUA TELAGA KINYAK TETAPI TIDAK MENJALANKAN SEBARANG PENGELUARAN MINYAK, TAMBAH BELIAU SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN DATUK HAJI ABU BAKAR UMAR (PAS-KOTA SETAR). -- BERNAMA 1715/IB